

# Janji kepada rakyat lebih utama: PM

## Pengukuhan nilai ringgit penting bagi kestabilan ekonomi berterusan

**BERIKUT** sedutan wawancara khas wartawan Reuters dan CNBC bersama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pejabatnya di Putrajaya, kelmarin. Perdana Menteri menyentuh pelbagai isu termasuk pilihan raya, isu rasuah, masalah Selatan Thailand, Proton dan ringgit

**? APAKAH** faktor Datuk Seri Anwar Ibrahim diambil kira apabila Datuk Seri mahu mengadakan pilihan raya umum.

**K**emunculan semula Anwar Ibrahim dalam politik secara aktif bermula tahun depan, tidak akan mempengaruhi saya untuk mengadakan pilihan raya lebih awal. Sekiranya saya mahu mengadakan pilihan raya pada masa tertentu, Anwar bukan antara faktor yang akan menentukan.

(Tempoh kerajaan sekarang akan berakhir pada 2009, tetapi sudah ada desas-desus kononnya Abdullah akan mengadakan pilihan raya umum dalam tahun ini, iaitu sebelum larangan terhadap Anwar berpolitik secara aktif lupus pada April 2008. Anwar dipecat pada 1998 oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad atas dakwaan menerima rasuah dan meliwat serta dipenjarakan bagi tuduhan rasuah. Beliau selesai menjalani hukuman yang dijatuhkan untuk kes rasuah pada September 2004 dan dibebaskan daripada tuduhan meliwat. Bagaimanapun, Anwar dilarang memegang sebarang jawatan dalam parti politik atau kerajaan selama lima tahun daripada tarikh dibebaskan, iaitu sehingga April tahun depan).

**? Apa** alasan lain (untuk mengadakan pilihan raya)

**A**da banyak perkara yang pengundi Malaysia mahu saya lakukan bagi memenuhi janji saya kepada mereka dan saya berpendapat masih ada banyak lagi kerja perlu dilakukan - itulah yang saya percaya secara ikhlas.

**? Mengenai** isu rasuah. Isu seperti janji untuk membanteras rasuah yang membantu Datuk Seri meraih kemenangan besar dalam Pilihan Raya Umum 2004, tetapi sejak kebelakangan ini akhbar tempatan mendedahkan beberapa kes amalan rasuah di kalangan pegawai kanan kerajaan

**U**saha membanteras rasuah memerlukan masa kerana setiap dakwaan harus disiasat secara terperinci. Orang ramai ghairah mahu melihat mereka yang mengamalkan rasuah dihukum, tetapi saya sentiasa mengingatkan mereka bahawa kita perlu ada bukti yang benar-benar kukuh sebelum menghadapkan seseorang di mahkamah.

**? Insiden** pengeboman terus berlaku di Selatan Thailand... apa yang perlu dilakukan.

**S**urayud (Perdana Menteri Thailand, Surayud Chulanont) perlu mengenal pasti ketua pemisah dan berhubung secepat mungkin sebelum keadaan menjadi lebih buruk. Saya rasa ada peluang untuk beliau menyejukkan keadaan, tetapi ia bergantung kepada secepat mana perbincangan dapat diadakan.

(Akhbar Bangkok Post baru-baru ini melaporkan pasukan polis yang menyiasat pengeboman pada tahun baru lalu di Bangkok dan selatan negara itu mendapati bahawa kumpulan pemisah di selatan bertanggungjawab terhadap sembilan kejadian pengeboman di ibu negara Thailand itu. Polis kini memburu seorang lelaki dipercayai dari Selatan Thailand berdasarkan dialek pertuturannya kerana disyaki mem-

BH-22/3/2007

**“Usaha membanteras rasuah memerlukan masa kerana setiap dakwaan harus disiasat secara terperinci. Orang ramai ghairah mahu melihat mereka yang mengamalkan rasuah dihukum, tetapi saya sentiasa mengingatkan bahawa kita perlu ada bukti kukuh sebelum menghadapkan seseorang di mahkamah”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri



bawa 300 diod (pemancar cahaya) silikon yang digunakan membuat bom terabit. Akhbar itu memetik sumber peringkat tertinggi berkata, kumpulan pemisah terbabit bertanggungjawab terhadap sembilan pengeboman kerana ingin menunjukkan keupayaan mereka melancarkan serangan ganas di luar wilayah mereka).

**? Mengenai** isu membabitkan Proton Holdings Bhd (Proton) dan pembuat kereta Jerman, Volkswagen, apa perkembangan sekarang.

**P**roton kini hanya pada peringkat rundingan dengan Volkswagen mengenai gandingan strategik. Keputusan berhubung Proton tidak mungkin dicapai dalam minggu ini, walaupun Malaysia masih menasaskan untuk menyelesaikannya sebelum tarikh akhir pada penghujung bulan ini.

**? Betulkah** keputusan mengenai perkara ini akan dicapai dalam minggu ini.

**S**aya fikir tidak boleh.

**? Ada** kemungkinan sekiranya ada rakan niaga asing yang boleh membuat pelaburan dalam Proton berbanding membeli sebahagian daripada ekuiti kerajaan.

**S**udah tentu saya gembira jika mereka boleh membawa masuk dana sendiri. Ini bergantung kepada keputusan rundingan. Kita menghadapinya dengan fikiran terbuka.

(Berdasarkan laporan akhbar tempatan minggu lalu yang memetik kenyataan Ketua Jualan Antarabangsa Volkswagen, Kevin Rose, di Singapura, rundingan usaha sama antara pengeluar kereta itu dan Proton kini difahamkan berada pada 'peringkat agak maju'. Sebelum ini, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata Volkswagen serta General Motors adalah antara pengeluar kereta tempatan dan luar negara yang sedang berunding berhubung pegangan ekuiti dalam Proton dan kerajaan menetapkan sasaran membuat keputusan menjelang hujung bulan ini).

**? Mengenai** ringgit pula, bilakah ia dibenar untuk diurus niaga di luar pesisir.

**S**aya percaya kita masih belum bersedia bagi dasar seumpama itu. Buat masa sekarang, berdasarkan pengamatan saya, ini bukanlah sesuatu yang memerlukan kita mengambil tindakan secara terdesak. Ini tidak menjadi isu langsung.

(Sebelum ini timbul spekulasi bahawa kerajaan mungkin membenarkan ringgit diperdagangkan di luar negara. Perdagangan ringgit di luar negara diharamkan sejak 1998 apabila kerajaan memperkenalkan kawalan modal ketika krisis kewangan Asia. Malaysia menamatkan kawalan modal pada 1999, tetapi mengekalkan tambatan ringgit pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika sehingga Julai 2005 apabila kerajaan memperkenalkan pengapungan ringgit terurus. Sejak itu, ringgit bertambah ku-

kuh secara beransur-ansur berbanding dolar Amerika pada kadar 8.7 peratus).

**? Kenapa** tidak.

**S**aya berpendapat, kita perlu melihat ringgit menjadi lebih kukuh. Saya percaya ringgit akan terus kukuh. Kekukuhan ringgit penting kerana ia menggambarkan keyakinan dalam ekonomi dan itu yang saya mahukan. Negara memerlukan mata wang yang kukuh dan saya yakin pengeksport dapat menerima peningkatan nilai ringgit secara perlahan dan stabil.

**? Nilai** mata wang. Apakah paras wajar bagi ringgit

**N**ilai mata wang menunjukkan aliran peningkatan yang baik. Saya akan berasa sedih jika nilai mata wang meningkat dan tiba-tiba merudum. Saya tidak mahu situasi seperti 'yo-yo' kerana ia tidak baik untuk ringgit.

Buat masa ini saya gembira Ringgit Malaysia tidak tertakluk kepada spekulasi seperti sebelumnya (ketika krisis kewangan Asia 1997-98). Ringgit akan memperoleh nilainya berdasarkan pasaran. Saya fikir, mata wang yang kukuh adalah baik, sudah tentu kukuh dan stabil.

**? Adakah** pengeksport mampu menerima nilai ringgit yang lebih kukuh?

**S**aya fikir mereka mampu jika peningkatannya perlahan. Saya tidak mahu melihat perubahan mendadak umpama yo-yo... naik dan turun.